



# Buletin

MINGGUAN

# بوليتين — ارالنيم

# DARULNAIM

www.upknkelantan.com

**KPWKM, KKM  
BERKERJASAMA ATASI  
MASALAH BANTUT**

**MPOK PERTINGKAT ILMU  
PENGURUSAN MAKLUMAT**

**NELAYAN DANAU TO' UBAN  
PUAS HATI PENGELUARAN  
IKAN BERLIPAT GANDA**

## TBSB BERJAYA TARIK PEMAIN UNGGUL INDUSTRI

PASIR PUTEH, 30 Jun – Pangkalan Bekalan Tok Bali (Tok Bali Supply Base (TBSB)) yang berfungsi sebagai hub dan pangkalan bekalan untuk semua kegiatan logistik hiliran dan huluhan petroleum telah memulakan operasi sepenuhnya pada September 2015 dan berjaya menarik keyakinan pemain unggul industri untuk bertapak di TBSB.

Antara pemain unggul industri tersebut ialah Hess Exploration and Production Malaysia B.V, Hibiscus Oil & Gas Malaysia Limited, Carigali Hess Operating Company Sdn Bhd dan Carigali-PTTEPI Operating Company Sdn Bhd.

Pengurus Besar TB Supply Base Sendirian Berhad, Nur Hasmin Kamarolzaman berkata industri tersebut telah berjaya membawa kemajuan pembangunan TBSB melalui peningkatan kontraktor sokongan dan agen yang mencecah 40 syarikat sehingga kini.



“Pelan induk pembangunan TBSB yang merangkumi 5 fasa secara berperingkat bermula 2014- 2039 (25 tahun) melibatkan luas keseluruhan 565 ekar dirangka secara strategik berdasarkan permintaan syarikat-syarikat minyak, kontraktor sokongan dan pemain industri minyak dan gas (MIGAS) tempatan dan antarabangsa,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkongsi perancangan TBSB melibatkan pembangunan perniagaan baharu iaitu pelabuhan komersial sebagai satu cabang perniagaan yang bakal menawarkan

peluang tenaga kerja dan pengusaha komoditi komersial menjayakan keberhasilan tinggi.

Sehubungan itu, Ahli Dewan Undangan (ADUN) Semerak, YB Wan Hassan Wan Ibrahim yakin projek tersebut bakal menjadi pemacu ekonomi kepada industri hiliran dan pembangunan sektor pelancongan seperti hotel dan restoran di kawasan Pasir Puteh amnya dan Semerak khususnya. Sekai gus, membuka peluang pekerjaan berskala rendah, sederhana dan tinggi kepada rakyat Kelantan di samping menjana hasil kepada Kerajaan Negeri Kelantan.

## BANDAR BARU JELAWAT BUKA 1,500 PELUANG PEKERJAAN



BACHOK, 28 Jun – Bandar Baru Jelawat yang berkeluasan 22.7 ekar dijangka beroperasi pada 26 Julai bakal membuka peluang pekerjaan kepada 1,500 penduduk

tempatan dan peluang perniagaan kepada masyarakat setempat.

Pengarah Syarikat Induk Setia (Bachok) Sendirian Berhad, Mohd Yusoff Salleh berkata pelbagai kemudahan dan prasarana disediakan kepada masyarakat setempat seperti stesen bas, Pasaraya Pantai Timur, klinik, farmasi, pusat hemodialisis, surau dan kedai pakaian.

“Selain itu, pasar awam dua tingkat yang 70 peratus siap dan dijangka beroperasi September depan turut menawarkan 366 gerai kepada peniaga untuk barangan basah, kering dan makanan. Tiga buah kedai sudah mula

beroperasi di Bandar Baru Jelawat ialah KB Brewster, Happy Home dan Kedai Pakaian MM,” katanya.

Sehubungan itu, Ahli Dewan Undangan (ADUN) Jelawat YB Abdul Azziz Kadir berkata Bandar Baru Jelawat bakal memacu pembangunan ekonomi dan peluang perniagaan yang banyak meliputi peniaga kecil, penjaja sehingga ke gedung berskala besar.

“Pasar lama iaitu Pasar Siti Aisyah di Pekan Jelawat masih dikekalkan dan peniaga diberi pilihan sama ada untuk kekal berniaga di sana atau berpindah ke Bandar Baru Jelawat,” katanya.

## KPWKM, KKM BERKERJASAMA ATASI MASALAH BANTUT

KEMAKMURAN

KUALA LUMPUR, 27 Jun - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa menyambut baik usaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam agenda memerangi masalah bantut dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia.

Demikian menurut Timbalan Menteri KPWKM, YB Dato' Siti Zailah Mohd Yusoff, ketika hadir mewakili YB Menteri ke Mesyuarat Jawatankuasa Khas Memerangi Masalah Bantut Dalam Kalangan Kanak-kanak di Bilik Gerakan KKM, Putrajaya.

Sehubungan itu, katanya, langkah intervensi dan inisiatif yang akan dilaksanakan KPWKM melalui agensi di bawahnya meliputi, penganjuran program advokasi ke arah pemantapan peranan ibu bapa dalam menyediakan makanan berkhasiat kepada anak-anak yang dikendalikan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).



“Kedua, institusi di bawah JKM seperti Pusat Jagaan Berdaftar dan Rumah Kanak-kanak mengguna pakai menu yang diluluskan oleh KKM sebagai salah satu inisiatif dalam memastikan kanak-kanak dalam institusi mendapat nutrisi yang diperlukan bagi menjamin tumbesaran sihat.

Ketiga, pemantauan dan semakan semula menu pemakanan di bawah institusi JKM terutamanya di TASKA,” katanya ketika dihubungi.

Tambahnya, keempat, kerjasama

dengan rakan strategik seperti NGO dan pembabitin Skwad Waja di bawah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dalam memberikan advokasi berkenaan masalah bantut dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia.

Berkaitan perkara yang sama, jelasnya, KPWKM sentiasa bersedia dan berusaha sedaya upaya bagi membantu memperkasakan program-program sedia ada atau yang bakal dilaksanakan oleh KKM demi meningkatkan kesejahteraan kanak-kanak di Malaysia.

## RAKYAT KELANTAN PEMURAH, WAKAF 1,258 EKAR TANAH – YDP MAIK



KOTA BHARU, 27 Jun – “Rakyat Kelantan pemurah, kerana sehingga Mei 2022 selain wakaf tunai, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) turut menerima pewakafan tanah 1,257 lot bersamaan 1,258 ekar tanah telah didaftarkan dan kini di bawah kawalan MAIK.”

Demikian ucapan Yang Dipertua MAIK yang juga Tengku Temenggong Kelantan, YBM Tengku Tan Sri Dato' Haji Mohamad Rizam Tengku Abdul

Aziz yang berkenan menyempurnakan Majlis Pelancaran Bulan Wakaf MAIK 2022 di Dewan Besar Kompleks Islam Darulnaim, Lundang, hari ini.

Menurutnya, 59 peratus daripada tanah tersebut digunakan sebagai tanah perkuburan Islam, 21 peratus dimanfaatkan sebagai tapak masjid dan surau serta bakinya telah didirikan pondok, tahfiz, sekolah, rumah anak yatim dan diberikan sewaan untuk tujuan pertanian serta premis perniagaan yang hasilnya diagihkan kepada penerima manfaat wakaf.

Sementara itu, Timbalan Yang Dipertua MAIK Zulkifle Ab Rahman memaklumkan antara objektif pelancaran Bulan Wakaf tersebut bertujuan meningkatkan kefahaman serta melahirkan masyarakat yang berwakaf di Kelantan.

Dalam Majlis yang sama, sesi menandatangani perjanjian usaha sama

antara MAIK dengan Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Yayasan Islam Kelantan (YIK) turut diadakan bagi memberi kuasa mutawali kepada USM, UMK dan YIK mengutip wakaf tunai bagi tujuan pendidikan dan kesihatan.

Pihak USM, UMK, dan YIK turut menerima sumbangan wakaf tunai RM189,040.19 oleh pelbagai pihak dan agensi. Pihak YIK telah menerima sumbangan wakaf tunai RM140,000, UMK RM39,040.19 dan USM RM10,000.

Turut hadir, Pegawai Kewangan Negeri Kelantan YB Dato' Norazman Abd Ghani, Mufti Negeri Kelantan YB Sahibus Samahah Dato' Mohamad Shukri Mohamad, Pengarah YIK, Engku Rajhan Engku Ismail, Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr Faisal Rafiq Mahamad Adikan dan Naib Canselor UMK, Profesor Dr Razli Che Razak.



## KESEJAHTERAAN

## PROGRAM 1 RAS 1 POKOK SAHUT SERUAN TANGANI ISU ALAM SEKITAR



**TANAH MERAH, 26 Jun** - Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar YB Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata permasalahan alam sekitar memerlukan komitmen yang tinggi daripada pelbagai pihak.

Menyentuh seruan tersebut, Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama CMNM Mining Group Sdn Bhd menjayakan Program 1 RAS 1 Pokok sempena perasmian Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Kelantan 2022.



Program tersebut bertujuan mendekatkan dan menyatupadukan masyarakat pada semua peringkat dan lapisan dalam menangani isu alam sekitar.

Katanya, isu tersebut adalah masalah yang perlu ditangani secara bersama kerana manusia dan alam sekitar mempunyai hubung kait yang sangat rapat. Usaha menangani masalah alam sekitar tidak harus menjadi tanggungjawab kerajaan semata-mata tetapi ia perlu didokong bersama oleh semua anggota masyarakat.

“Semua pihak tidak kira agensi

kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), institusi pengajian tinggi dan semua pihak perlu memainkan peranan dengan mengajurkan program-program untuk kesedaran kepentingan memelihara alam sekitar secara lestari dalam kalangan masyarakat. Penglibatan diri sebagai ahli Rakan Alam Sekitar (RAS) adalah penting dan amat digalakkan bagi memberi peranan yang lebih aktif dan berkesan dalam kempen ini,” katanya ketika merasmikan majlis.

Program tersebut melibatkan penanaman 50 anak pokok Meranti Temok di perkarangan pejabat CMNM sangat bertepatan dengan tema Hari Alam Sekitar Sedunia tahun ini iaitu “Hanya Satu Bumi”.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Kelantan, Wandu Yazid Yaakob dan Pengerusi CMNM Group Mining Sdn Bhd, Prof Lin Xiang Xiong.

## EKSPLO KEUSAHAWAN BANTU PMKS BANGKIT

**KOTA BHARU** – Bersempena Minggu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) Kebangsaan 2022 yang bermula pada 10 Jun sehingga 4 Julai di seluruh Malaysia, SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Kelantan menganjurkan Ekspo Keusahawanan Kelantan pada 24 hingga 26 Jun di perkarangan Stadium Sultan Muhammad ke-IV.

Pelbagai aktiviti dirancang sepanjang Minggu PMKS peringkat Negeri Kelantan antaranya, jualan dan pameran yang melibatkan 50 pempamer, perkongsian maklumat oleh agensi, sesi inspirasi usahawan dan sesi padanan perniagaan antara Lotus's Stores (M) Sdn Bhd dan Uniti Asia dengan sasaran RM500,000 nilai jualan.

Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Perdagangan, Pelaburan dan Keusahawanan Negeri Kelantan, YB Dato' Hanipa Ahmad berkata ekspo tersebut bertujuan mengiktiraf kepentingan dan sumbangan PMKS



kepada pertumbuhan ekonomi negara, memupuk budaya keusahawanan dan memperkenalkan produk serta perkhidmatan PMKS daripada pelbagai industri kepada masyarakat.

“Pelaksanaan Ekspo Keusahawanan Kelantan ini dapat menyediakan peluang kepada PMKS untuk memulakan semula perniagaan secara bersempena membangunkan semula perniagaan yang terkesan akibat keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu.

Di samping dapat meluaskan pasaran produk dan perkhidmatan mereka serta mendapatkan khidmat nasihat dan maklumat terkini mengenai program, aktiviti serta bantuan yang disediakan oleh kerajaan”, katanya



ketika merasmikan Minggu Usahawan Nasional (MUN) & Minggu PMKS Kelantan 2022, hari ini.

Beliau turut menyampaikan mock-up cek kepada PMKS Negeri Kelantan yang telah menerima bantuan daripada SME Corp. Malaysia melalui Geran Program Peningkatan Keupayaan Bumiputera (BEEP) bernilai RM714 ribu. Manakala 21 PMKS Kelantan menerima Pembiayaan Dana Kecemasan PKS (SMEEF) 2.0 pula bernilai keseluruhan RM1.765 juta.

Sementara itu, RM920 ribu Geran Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) diberikan kepada 61 usahawan belia yang berpotensi besar mengembangkan perusahaan mereka.

## SKIM AL-ZIWAJ: KELANTAN AMBIL BERAT KEPERLUAN NIKAH ANAK MUDA

KOTA BHARU, 27 Jun - Skim Gerbang Az-Ziwaaj mula diperkenalkan pada tahun 2011 bertujuan membantu golongan belia yang berpendapatan rendah untuk bernikah.

Melalui skim tersebut, Kerajaan Negeri memberikan setiap pasangan RM1,000 dalam bentuk cek dan individu tersebut boleh mendapatkan borang permohonan di pejabat kadi, pejabat Urus Setia Belia dan Sukan Negeri (U-BeS), kaunter khidmat pelanggan Setiausaha Kerajaan Negeri atau memuat turun borang dari laman facebook "Gerbang Az-Ziwaaj" (Gerbang Perkahwinan).

Dalam satu kenyataan kepada media, Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Mohd Amar Abdullah berkata, setiap tahun sebanyak RM3 juta diperuntukkan dengan melibatkan kira-kira 3,000 pasangan dengan pengantin



lelaki akan diberikan bantuan sebanyak RM1,000 setiap seorang.

"Sekiranya pada tahun berkenaan kita mempunyai lebih dana, peruntukan tersebut akan digunakan pada tahun seterusnya kerana tidak semestinya tahun tersebut kita akan menerima 3,000 pasangan untuk berkahwin.

"Justeru, skim bantuan kewangan ini sebenarnya dapat membantu pasangan muda yang terpilih untuk melangsungkan perkahwinan berdasarkan ketetapan syarat yang telah disediakan," katanya.



Sesuai dengan jolokan sebagai negeri berkebakikan yang dirintis sejak 32 tahun lalu, Kerajaan Negeri sentiasa mengutamakan pelbagai program berkebakikan yang lain untuk rakyat termasuklah membiayai program Skim Kifaalah, Bantuan Armalah dan Anak Yatim, pembelaan rakyat miskin dan juga Skim Al-It'am.

Sementara itu, Menteri Besar, YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Ahmad Yakob menyatakan dalam belanjawan yang lepas, kerajaan negeri memperuntukkan RM46.25 juta bagi tujuan tersebut.

## MPPOK PERTINGKAT ILMU PENGURUSAN MAKLUMAT



PASIR PUTEH, 27 Jun - Menyedari kepentingan Revolusi Industri 4.0 atau IR4.0 yang menggunakan aplikasi pintar dan moden, Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan (PKS) dengan kerjasama Majlis Persefahaman Pertubuhan OKU Negeri Kelantan (MPPOK) telah menganjurkan Bengkel Pengurusan Maklumat OKU Negeri Kelantan 2022 bertempat di Jeram Mengaji Agro Resort (JMAR).

Menurut Pengarah PKS, Dr Wan

Nik Wan Yussof, program tersebut berjaya menarik kehadiran 47 peserta yang terdiri daripada Presiden MPPOK, Mohd Ramli Abd Rahman, Penyelaras OKU Negeri, Mohd Razali Md Din bersama 15 orang Kepimpinan Jawatankuasa MPPOK Negeri dan 14 Penyelaras Parlimen OKU (PPO) serta wakil daripada Skwad Upaya.

"Tiga slot pengisian dalam bengkel tersebut menumpukan kepada Pengurusan Maklumat, Proses Data dan

Pelan Strategik Pengurusan Maklumat. Diharapkan hasil bengkel ini dapat memaksimumkan lagi pengurusan dan peranan MPPOK sebagai rakan strategik Kerajaan Negeri dalam menjaga kebajikan warga Orang Kelainan Upaya (OKU) terutama diperingkat DUN dan mukim-mukim," katanya.

Turut hadir, Pengarah Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKWa), Ilvira Mohd Dasuki dan Penasihat MPPOK, Mohamad Faizal Che Yusof.





## KEBAJIKAN

## NELAYAN DANAU TO' UBAN PUAS HATI PENGELUARAN IKAN BERLIPAT GANDA

PASIR MAS, 29 Jun - Dakwaan sesetengah pihak kononnya penternak ikan dalam sangkar di Danau To' Uban terjejas ekoran projek solar yang dilaksanakan di tasik tersebut ternyata meleset.

Namun, keadaan sebaliknya berlaku apabila 77 peserta Projek Penternakan Ikan Sangkar di lokasi terbabit berpuas hati dengan pengeluaran ikan semakin meningkat.

Menurut mereka pada tahun lepas pengeluaran ikan sebanyak 110 tan metrik berbanding 49 tan metrik tahun sebelumnya. Peningkatan jumlah pengeluaran tersebut membolehkan nelayan terbabit meraih pendapatan RM0.76 juta pada tahun 2021 berbanding RM0.39 juta tahun 2020.

Seorang penternak Mohd Rozailan Nordin, 33, dari Sungai Rasal To' Uban berkata, pengeluaran ikan yang ditenak di sangkar di Danau To' Uban



antara 700 hingga 1,000 kilogram sebulan.

“Saya mewakili 77 nelayan merakam ucapan terima kasih kepada kerajaan negeri yang bersungguh-sungguh membantu kami dengan membekalkan benih, makanan ikan dan peralatan seperti pukut, bubu, unjam dan jala,” katanya.

Menurutnya juga anggota Exco kerajaan negeri Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail dan pegawai Jabatan Perikanan banyak membantu penternak



di Danau To' Uban.

“Penternak baharu diberi bantuan sangkar ikan melalui bantuan Exco berjumlah RM150,000 untuk empat petak sangkar pada tahun 2019. Kerajaan Kelantan juga menyalurkan bantuan sekali beri RM200 bagi meringankan beban kami sepanjang pandemik. Pada tahun 2021, 10 penternak menerima bantuan daripada Jabatan Perikanan Negeri Kelantan dengan pembinaan 30 petak sangkar”, katanya.

## PROGRAM CSR AKSB SELESAIKAN MASALAH WARGA SKKK



KOTA BHARU, 27 Jun – Beberapa masalah yang dihadapi warga Sekolah Kebangsaan Kubang Kiat (SKKK), Ketereh akhirnya selesai apabila Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) membuat kunjungan ke sekolah tersebut melalui Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

Sebelumnya, AKSB telah membuat tinjauan awal buat kali pertama di sekolah itu pada Februari lepas, selepas mendapat aduan dan hasil daripada lawatan tersebut didapati sekolah



tersebut telah lama dibelenggu dengan masalah sistem perpaipan dalaman.

Beberapa tindakan telah dirancang dan diatur melalui Program Tanggungjawab Sosial Korporat, pihak pengurusan sekolah diberi khidmat nasihat teknikal dan peruntukan bagi memperbaiki sistem paip dalaman sekolah.

Penolong Kanan Pentadbiran SKKK, Tuan Che Basri Mohd Nor ketika ditemui media, mengucapkan terima kasih kepada AKSB kerana

kecaknaan pihak pengurusan dalam membaik pulih dan menambah baik tangki dan enjin air khususnya bagi kegunaan warga SKKK yang melibatkan 377 pelajar.

“Alhamdulillah, selepas pelaksanaan penambahbaikan yang dibuat oleh AKSB, masalah paip dapat diselesaikan dan tiada lagi masalah di sekolah ini, terima kasih juga kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kadok, YB Dato’ Sr Azami Mohd Nor yang sentiasa peka dengan masalah pengguna,” tambahnya.







# Buletin

## MINGGUAN

# بوليتين

# DARULNAIM

www.upknkelantan.com

## KAK TAZ MEMANG ULAT BUKU - EXCO PEMBANGUNAN KELUARGA

KOTA DARULNAIM, 26 Jun - Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan, YB Dato' Mumtaz Md Nawi mengaku beliau memang ulat buku sejak kecil.

Katanya, sebarang tulisan yang ditemui akan dibaca dulu barulah makan atau membuat kerja lain.

"Kak Taz memang ulat buku dan sangat minat membaca sejak kecil. Pesta buku antara tempat kegemaran, sampai suami Kak Taz rusing kalau Kak Taz ke sana lebih daripada risau Kak Taz ke tempat lain sebab mampu habis banyak duit untuk beli buku," katanya mengulas tentang Pesta Buku Kelantan 2022 yang mendapat sambutan baik daripada ibu bapa dan anak-anak.

"Keluarga membaca dapat membentuk peribadi yang elok dari aspek pembangunan rohani, emosi dan jasmani. Jadikanlah buku sebagai sahabat karib, bukannya gajet," pesannya.

Tambahnya, kuasa ilmu dan informasi



yang diperolehi melalui pembacaan boleh menjadikan seseorang bilionair.

"Contohnya, Jeff Bezos menjadi bilionair dengan menjual buku, J.K. Rowling pula meraih berbilion dolar dengan menulis buku. Paling menarik, Warren Buffet bergelar bilionair dengan membaca buku," katanya.

Perasmian Pesta Buku Kelantan kali ke-46 bertemakan Membaca Tunjang Generasi SEJAHTERA itu disempurnakan Pengarah Pendidikan

Negeri Kelantan, Zulkernai Fauzi.

Majlis perasmian tersebut dimeriahkan dengan kehadiran 92 murid Sekolah Kebangsaan Bachok berserta lapan guru pengiring memenuhi ruang legar dan aras bawah tanah KB Mall untuk membeli buku dengan tawaran harga rendah.

Para pengunjung juga berpeluang mengikuti pelbagai aktiviti menarik yang disediakan di pentas utama dan di reruai pameran sehingga 2 Julai depan, dari pukul 10 pagi hingga 10 malam.

## PKINK BANTU PERNIAGAAN SAYA BERKEMBANG - SYAFIQ



TUMPAT, 28 Jun - Semenjak mendapat bantuan peralatan dan bimbingan daripada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) kini

perniagaannya semakin berkembang maju.

Demikian menurut Mohd Syafiq Mohd Hasnan, 31, dari Kampung Hutan Jambu, Palekbang yang pernah mengikuti kursus di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN).

Beliau mempunyai falsafah pembuatan kek tidak lagi sebagai sebuah ornamen pelengkap majlis kerana baginya, kek bukan sekadar dibuat tetapi penciptaan kek mestilah bernilai artistik yang sesuai dan tema acara atau majlis tertentu.

"Lebih dari itu, kami mengkreasikan kek menjadi lebih personal melalui reka bentuk, dekorasi dan citarasa yang sesuai

dengan karakter orang yang sedang menyambut momen berharga tersebut," katanya ketika ditemui di premis perniagaannya pada majlis perasmian.

Majlis perasmian Syafiq's Cake Confessions disempurnakan Ketua Pegawai Eksekutif PKINK, Ab Aziz Yunus di Bangunan KBCP Kota Bharu.

Menurut Syafiq, bermula tahun 2020 hingga kini, yakni setelah mendapat bantuan peralatan dan bimbingan daripada Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK, dengan modal awal RM45,000, kini pendapatan saya meningkat sehingga RM11,000 hingga RM15,000 sebulan," katanya.